

11.3.1 Menyatakan perayaan masyarakat di Malaysia.

K11.3.6 Menjelaskan kepentingan menghormati kepelbagaian amalan dan sambutan perayaan di Malaysia.

1. Padankan dengan betul hari perayaan dengan kaum yang menyambutnya. (TP 1)

(a) Loy Krathong

Sikh

(b) Hari Deepavali

Semai

(c) Tadau Keamatan

Cina

(d) Pesta Gawai

Melayu

(e) Hari Raya Aidilfitri

Etnik Sarawak

(f) Vaisakhi

India

(g) Jis Pai / Tahun Baru

Siam

(h) Tahun Baharu Cina

Etnik Sabah

- 11.3.1 Menyatakan perayaan masyarakat di Malaysia.  
K11.3.6 Menjelaskan kepentingan menghormati kepelbagaian amalan dan sambutan perayaan di Malaysia.

1. Kategorikan perayaan berikut kepada perayaan keagamaan dan perayaan kebudayaan. (TP 2)

|              |            |             |                     |          |
|--------------|------------|-------------|---------------------|----------|
| Thaipusam    | Ponggal    | Hari Easter | Chap Go Mei         | Vaisakhi |
| Loy Krathong | Hari Wesak | San Pedro   | Hari Raya Aidiladha | Jis Pai  |

| Perayaan Keagamaan | Perayaan Kebudayaan |
|--------------------|---------------------|
| (a)                | (f)                 |
| (b)                | (g)                 |
| (c)                | (h)                 |
| (d)                | (i)                 |
| (e)                | (j)                 |

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. (TP 2)

- (a) Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum, maka terdapat pelbagai jenis perayaan yang disambut sepanjang tahun.
- (b) Perayaan di Malaysia dapat dikategorikan kepada perayaan keagamaan dan kepercayaan, perayaan umum dan perayaan kebudayaan.
- (c) Sikap toleransi dan saling menghormati terhadap setiap perayaan kaum yang lain dapat mempererat hubungan persaudaraan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- (d) Kerajaan kita telah mengisytiharkan 6 perayaan keagamaan dan kepercayaan sebagai perayaan utama masyarakat Malaysia pada tahun 2002.
- (e) Tujuan rumah terbuka diadakan semasa hari perayaan adalah untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk kita.

|                          |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |